

12

Zakat Fitrah dan Penghayatannya

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ الصِّيَامَ وَزَكَاتَ الْفِطْرِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ وَجَعَلَ فِيهِ
 لَيْلَةً خَيْرًا مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
 لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
 مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الَّذِي
 أَحْيَاهُ مَسْكِينًا وَأَمَاتَهُ مَسْكِينًا وَاحْشِرْهُ مَعَ زُمْرَةِ الْمَسَاكِينِ، وَعَلَى آئِلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ
 اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian...

Saya menyeru kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian, agar marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t dan sentiasa melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
 مُسْلِمُونَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”*

(QS Ali-Imran (3):102)

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Bulan Ramadan adalah bulan yang dimuliakan oleh Allah s.w.t, ianya dipenuhi dengan pelbagai wasilah dan amal ibadat untuk umat Islam meningkatkan maqam takwa dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Bulan Ramadan yang sinonim sebagai bulan kerohanian, dinaungi dengan salji kerahmatan, dipenuhi dengan telaga keberkatan dan dibasahi dengan tasik keampunan. Berpaksikan ibadah puasa dan zakat fitrah serta dihiasai dengan amalan-amalan sunat seperti solat tarawih, tadarus al-Quran, bersedekah, beriktikaf dan bertahajud pada dua pertiga malam untuk bertemu dengan malam lailatul qadar atau malam kerohanian adalah ciri-ciri khas bulan Ramadan yang tidak terdapat dalam bulan-bulan yang lain. Zakat fitrah yang wajib ditunaikan di bulan tersebut, adalah ibadat yang diwajibkan

kepada umat Islam bertujuan untuk mensucikan jiwa dan membersihkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan sepanjang melaksanakan ibadah puasa di bulan tersebut. Ianya juga sebagai tanda atau ciri-ciri orang yang berjaya. Firman Allah s.w.t dalam surah al-A'laa ayat 14 dan 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ۖ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ﴿١٥﴾

Maksudnya :*“Sesungguhnya berjayalah orang yang berusaha membersihkan dirinya (dengan menunaikan zakat fitrah). Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk).”*

(QS al-A'laa (87):14-15)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Sekalian...

Zakat fitrah diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang merdeka atau hamba sahaya, lelaki dan perempuan, dewasa atau kanak-kanak, miskin atau yang kaya. Ini berdasarkan kepada hadis dari Abdullah Ibnu Umar katanya:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكْرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w telah memfardhukan zakat fitrah, iaitu satu gantang dari buah tamar atau satu gantang dari syair (sejenis gandum) atas setiap orang hamba abdi atau merdeka, lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa dari kalangan umat Islam. Dan Nabi memerintahkan agar ianya ditunaikan sebelum keluarnya manusia menuju solat hari raya.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Sepertimana yang telah ditetapkan Syarak, kadar zakat fitrah adalah satu gantang Baghdad bagi makanan asasi penduduk suatu negeri atau bersamaan dengan 2.7 kilogram beras bagi negeri Sabah. Walau bagaimanapun, syarak mengharuskan agar zakat fitrah dibayar dalam bentuk mata wang berdasarkan kepada nilai harga beras tersebut. Dalam kitab *al-Syarah* dinyatakan bahawa menunaikan zakat fitrah dengan mata wang sebagai ganti beras adalah harus di dalam mazhab Syafie.

Malah, kita sedari pada masa kini, asnaf yang lapan khususnya fakir dan miskin lebih mudah memanfaatkan zakat yang mereka terima dalam bentuk wang ringgit untuk memenuhi keperluan hidup harian mereka. Pada tahun ini kadar zakat fitrah yang diwajibkan ke atas umat Islam yang bermastautin di negeri Sabah adalah berjumlah RM... tiap seorang berdasarkan ketetapan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah.

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Jumhur ulamak menyatakan bahawa waktu menunaikan zakat fitrah terbahagi kepada lima iaitu:

1. Waktu harus :
 - Menunaikan zakat pada awal bulan Ramadan.
2. Waktu wajib :
 - Menunaikan zakat fitrah mulai terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan.
3. Waktu afdhal :
 - Menunaikan zakat fitrah sebelum menunaikan solat hari raya.
4. Waktu makruh :
 - Menunaikan zakat fitrah selepas solat hari raya.
5. Waktu haram :
 - Menunaikan zakat fitrah selepas terbenam matahari pada 1 Syawal.

Dalam hubungan ini, junjungan besar kita bersabda:

مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ
صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ

Maksudnya: “Barang siapa menunaikan zakat fitrah sebelum sembahyang Aidilfitri maka itulah zakat yang diterima dan barang siapa menunaikannya sesudah sembahyang, maka ianya adalah sedekah daripada sedekah-sedekah biasa.”

(HR Abu Daud)

Dalam konteks ini, mimbar Jumaat menyeru kepada saudara muslimin sekalian, agar menunaikan ibadah zakat harta di Pusat Zakat Sabah (MUIS) dan membayar zakat fitrah kepada amil-amil

bertauliah yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah yang merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nisa ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن
 نَنزَعْنَكُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
 الْآخِرِ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya “Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

(QS al-Nisa(4): 59)

Dalam pada itu Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Ini sejajar dengan Enakmen Zakat Dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993 Seksyen 61 (kurungan satu) yang memperuntukkan:

- a) Mana-mana orang dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang tertanggung ke atasnya untuk membayar, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman dengan tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.
- b) Mahkamah (Mahkamah Syariah), boleh memerintah supaya zakat dan fitrah itu dijelaskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Manakala Seksyen 67 (kurungan satu), menegaskan mana-mana orang yang sebagai tidak dibenarkan Enakmen ini untuk berbuat sedemikian (yakni *Pemungutan Zakat Tak Berkebenaran*) atau cuba memungut Zakat atau Penalti di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ
لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku!

Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”

(QS al-Munafiqun (63) : 10)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.